



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

SESI 2023/2024

CFT4134 PROJEK PENYELIDIKAN 2

KAJIAN PERSEPSI PELAJAR SEKOLAH

MENENGAH TERHADAP MUZIUM ROYAL SELANGOR

NAMA: AGILLA A/P GUNA SEELAN

NO MATRIK: C20A0901

EMEL: c20a0901@siswa.umk.edu.my

PENILAI: ENCIK GOOI LIANG JUN

TARIKH: 24/2/2024

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tulus kepada Encik Gooi Liang Jun selaku penyelia Projek Penyelidikan 2, atas dedikasi dan sokongn yang diberikan setiap minggu dalam menyemak dan memberikan idea yang berharga. Sumbangan beliau telah memberikan arahan dan panduan yang penting untuk memastikan kemajuan yang berkesan dalam projek ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada Muzium Royal Selangor atas kerjasama dan kolaborasi yang cemerlang dalam membantu menjayakan projek ini. Mereka telah memberikan sokongan yang luar biasa dengan membantu dalam mendapatkan 300 responden pelajar dan melibatkan 4 orang guru, meskipun tugas ini bukanlah dalam lingkungan tugas mereka. Kerjasama mereka telah memperkaya penyelidikan ini dengan penyertaan yang luas dan memberikan pandangan yang berharga dari komuniti pendidikan. Keterlibatan mereka telah memperkuatkan relevansi kajian ini.

Turut, ucapan terima kasih yang tulus kepada ibu bapa pengkaji atas sokongan moral yang diberikan, serta dorongan mereka telah memberikan kekuatan dan keyakinan dalam melaksanakan tugas ini dengan sempurna. Justeru, peranan dan sumbangan mereka dalam projek ini tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama dan bantuan dari setiap individu yang terlibat. Semoga penghargaan ini dapat memperkuat semangat dan mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	I
ISI KANDUNGAN.....	II
ABSTRAK.....	III
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN.....	6-7
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	7-8
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN.....	8-10
1.3 PERSOALAN KAJIAN.....	10
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	10
1.5 SKOP KAJIAN.....	10-12
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN.....	12-14
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.0 PENGENALAN.....	15
2.1 KAJIAN PERSEPSI TERHADAP MUZIUM.....	15-16
2.2 KAJIAN TERHADAP SIKAP PELAJAR DALAM MUZIUM.....	16-18
2.3 KAJIAN TERHADAP PENGALAMAN DALAM MUZIUM.....	19-22
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 MAKNA.....	23
3.1 PENSAMPELAN & POPULASI KAJIAN.....	23
3.2 INSTRUMEN PENGUMPULAN DATA.....	24
3.3 TEKNIK PENGANALISISAN DATA.....	24
3.4 JANGKAAN DAPATAN.....	25
3.5 PERTIMBANGAN ETIKA.....	26
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 MAKNA.....	26
4.1 DAPATAN DAN HASIL SOAL SELIDIK.....	26-43
4.2 DAPATAN SOAL SELIDIK.....	44-49
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0 MAKNA.....	50

5.1 CADANGAN MENGENAI KESEDARAN PELAJAR TENTANG KONSERVASI WARISAN BUDAYA.....	50-51
5.2 CADANGAN MENILAI KEPUASAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN.....	51
6.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN.....	52
RUJUKAN.....	53-55
LAMPIRAN.....	56-61

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesedaran pelajar tentang konservasi warisan budaya dan menilai kepuasan mereka terhadap perkhidmatan semasa melawat Muzium Royal Selangor. Terdapat beberapa permasalahan yang dikenal pasti, termasuk keberkesanan lawatan, kualiti perkhidmatan, dan kurangnya pameran yang menarik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden merasa puas dengan penyusunan acara, layanan petugas, brosur atau panduan, bahan pembuatan aksesori, kebersihan, dan kemudahan tempat duduk. Namun, terdapat perluasan untuk menilai semula waktu layanan antara stesen-stesen pameran dan variasi barangan piuter di kedai cenderamata berdasarkan perpecahan pendapat dan keraguan sebahagian responden. Ini menunjukkan perlunya meningkatkan promosi dan pendedahan terhadap pameran untuk menarik lebih banyak kunjungan pelajar.

BAB 1: PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Persepsi merujuk kepada proses mental yang melibatkan penerimaan, interpretasi, dan pemahaman individu terhadap informasi atau maklumat yang diperoleh melalui indera. Persepsi meliputi visual, auditif, sensori dan sebagainya yang membentuk pengalaman subjektif individu terhadap dunia di sekelilingnya (Max Wertheimer, 1943). Persepsi dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti persepsi sebelumnya, pengetahuan dan konteks sosial. Oleh itu, persepsi membantu membentuk pemahaman individu tentang sesuatu objek, situasi, orang, peristiwa dan sebagainya (Vilayanur S. Ramachandran, 1951).

Salah satu persepsi yang umum di dalam kalangan pelajar ketika lawatan ke sesebuah institusi muzium adalah pengiktirafan terhadap nilai Pendidikan. Hal ini kerana, kewujudan muzium membolehkan pelajar dapat meneroka sejarah, warisan serta memperluaskan pemahaman tentang topik tertentu. Manakala, persepsi lain yang umum adalah kebosanan. Hal ini sedemikian kerana sesetengah persepsi pelajar mungkin menganggap sesebuah muzium yang dikunjungi adalah kurang menarik dengan persekitaran statik yang kurang mempunyai elemen interaktif. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi pelajar terhadap sesuatu muzium kerana mempunyai pandangan dan penilaian yang tersendiri.

International Council of Museums (ICOM), mendefinisikan muzium sebagai institusi tetap bukan keuntungan yang terbuka kepada orang ramai. Iaitu pihak yang memperoleh, memelihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara. Muzium memainkan peranan penting dalam memelihara dan berkongsi warisan budaya, menjalankan lima penyelidikan, dan menawarkan pengalaman yang menarik kepada pengunjung. Dengan memenuhi misi muzium yang tersendiri, muzium menyumbang kepada pembangunan dan pengayaan masyarakat sambil

melindungi warisan yang pelbagai untuk generasi sekarang dan akan datang.

Komponen sistem permuziuman yang vital di Malaysia adalah Jabatan Muzium Malaysia. Jabatan ini berperanan sebagai badan kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab terhadap pengurusan keseluruhan, pemuliharaan, dan pembangunan muzium di dalam negara. Jabatan ini mempunyai kuasa sepenuhnya dalam pengurusan permuziuman, merumuskan dasar-dasar, mengawal aktiviti-aktiviti muzium dan menetapkan piawai bagi operasi di Malaysia. Khususnya, bertanggungjawab dalam merancang program-program Pendidikan, mengkoordinasikan usaha-usaha penyelidikan dan mengawasi pemuliharaan artifak-artifak bersejarah dan warisan budaya.

Kesimpulannya, melalui persepsi atau pendapat pengunjung, sesebuah muzium dapat memahami keinginan pengunjung, menyesuaikan pameran dan mengadakan program yang relevan serta membantu meningkatkan interaksi, keterlibatan, dan kepuasan pengunjung. Turut, membolehkan sesebuah institusi muzium untuk melakukan evaluasi dan perbaikan berkelanjutan, menjadikan muzium sebagai tempat yang menarik dan bermanfaat kepada pengunjung dalam mempelajari dan mengapresiasi budaya, sejarah, dan seni.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengkaji memilih Muzium Diraja Selangor berdasarkan beberapa sebab yang kukuh. Hal ini kerana lokasi yang berstrategik muzium yang terletak di Kuala Lumpur, Malaysia, merupakan faktor penting. Kuala Lumpur ialah sebuah bandar yang bertenaga dengan permaidani budaya yang kaya, menjadikannya persekitaran yang ideal untuk sebuah muzium yang khusus untuk 6 memelihara dan mempromosikan seni dan warisan piuter. Pengkaji percaya bahawa kehadiran muzium di bandar yang dinamik itu akan menarik pelbagai pelawat dan mewujudkan peluang untuk pertukaran budaya.

Selain itu, pengkaji terpicat dengan sejarah muzium yang menarik. Hal ini sedemikian kerana Muzium Royal Selangor diasaskan pada 1885 oleh Yong Koon, pembuat trofi mahir yang berhijrah

dari Shantou, China, Muzium Diraja Selangor membawa warisan ketukangan dan semangat keusahawanan. Visi Yong Koon untuk menubuhkan sebuah muzium yang diiktiraf di peringkat global mempamerkan komitmen terhadap kecemerlangan yang telah dikekalkan sepanjang kewujudan muzium itu. Pengkaji mendapati konteks sejarah ini memberi inspirasi dan percaya ia menambah kedalaman daya tarikan muzium.

Disamping itu, pengkaji kagum dengan jenis koleksi yang ditawarkan oleh Muzium Diraja Selangor. Dedikasi muzium dalam mempamerkan keindahan, nilai artistik dan kepentingan pewter yang terdapat di Muzium Royal Selangor melalui pelbagai bentuk seni, seperti cawan, barang kemas, arca dan objek rumah yang menunjukkan gambaran menyeluruh evolusi kraf itu. Pengkaji menghargai usaha muzium untuk menonjolkan reka bentuk tradisional dan kontemporari, kerana ia membolehkan pelawat menghargai keanggunan piuter yang abadi sambil meneroka aplikasi modennya.

Seterusnya, pada pendapat pengkaji pilihan tajuk terhadap persepsi pelajar Sekolah Menengah, memperkenalkan perspektif baru ke dalam sesebuah kajian. Pelajar selalunya mempunyai pandangan dan perspektif unik yang menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara tersebut. Motif pengkaji adalah untuk mendapatkan pandangan yang berharga dan menarik tentang bagaimana individu muda melihat dan menghargai warisan budaya, khususnya dalam konteks pameran dan perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan oleh Muzium.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Secara umum, permasalahan kajian merujuk kepada masalah atau isu penyelidikan yang perlu diselesaikan dalam satu kajian. Mengenal pasti dan memahami masalah kajian adalah penting kerana ia akan membentuk asas objektif penyelidikan dan membantu dalam proses penyiasatan kajian (Creswell, 2005). Permasalahan kajian juga memudahkan dalam menentukan fokus kajian, menjana

persoalan kajian yang sesuai dan pembangunan metodologi yang berkesan.

Ketiadaan kajian mengenai keberkesanan lawatan ke Muzium Royal Selangor sebagai sumber pembelajaran. Hal ini sedemikian kerana terdapat kekurangan bahan penyelidikan mengenai keberkesanan lawatan ke Muzium Royal Selangor sebagai sumber pembelajaran. Terutamanya, kekurangan kajian yang menilai sejauh mana lawatan ke muzium ini efektif dalam memberikan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran kepada para pengunjung. Kesan menjalankan penyelidikan dalam bidang ini adalah penting untuk menilai nilai pendidikan yang disediakan oleh pihak muzium.

Selain itu, Muzium Royal Selangor juga terjebak dengan masalah berkaitan dengan kualiti perkhidmatan yang disediakan. Hal ini rentetan daripada maklum balas muzium tersebut, terdapat kelemahan kualiti perkhidmatan dari aspek suasana pameran koleksi yang tidak selamat, kakitangan yang kurang mesra dan ketidakmampuan dalam menyediakan maklumat yang jelas kepada para pengunjung. Oleh itu, perubahan yang baik terhadap kualiti perkhidmatan dapat meningkatkan pengalaman keseluruhan pengunjung dan reputasi muzium.

Disamping itu, terdapat juga kurangnya pameran yang menarik di Muzium Royal Selangor dalam menarik minat pelajar. Sesetengah pengunjung, terutamanya pelajar, mengungkapkan rasa kecewa mereka terhadap kekurangan variasi dan daya tarikan pameran di muzium ini. Kekurangan ini boleh mengurangkan minat pelajar untuk melawat muzium dan menerokai aspek sejarah dan warisan di dalamnya. Impak dalam melengkapkan pameran yang sedia adalah penting untuk menarik minat pengunjung, khususnya pelajar.

Oleh itu, permasalahan kajian yang dikenal pasti berkaitan dengan Muzium Royal Selangor adalah keberkesanan lawatan, kualiti perkhidmatan, dan kurangnya pameran yang menarik. Fokus yang tepat pada permasalahan kajian ini memberikan arahan yang jelas kepada pengkaji dalam menjalankan sebagai kajian yang berjaya. Melalui isu-isu ini, pengkaji dapat menganalisis dan

memberikan cadangan untuk meningkatkan pengalaman pengunjung, meningkatkan kualiti perkhidmatan, serta memperkaya pameran yang ditawarkan oleh Muzium Royal Selangor.

1.3 PERSOLAN KAJIAN

Persoalan kajian secara umum ialah siasatan yang jelas, tertumpu dan khusus yang membimbing proses kajian dan menyediakan hala tuju untuk penyiasatan. (Owen Doody dan 9 Maria E Bailey, 2016). Berikut merupakan persoalan kajian yang diperoleh oleh pengaji setelah siasatan.

1. Adakah pengalaman di Muzium Royal Selangor dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang konservasi warisan budaya?
2. Sejauh mana kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dalam pengalaman melawat Muzium Royal Selangor?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam sesuatu kajian melalui menggariskan tujuan dan hala tuju penyelidikan fokus kajian. (Robson, C., 2011). Berikut merupakan objektif kajian yang ditetapkan dalam kajian ini.

1. Mengkaji kesedaran pelajar tentang konservasi warisan budaya melalui pengalaman di Muzium Royal Selangor.
2. Menilai kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dalam pengalaman melawat Muzium Royal Selangor.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian merujuk batasan terhadap elemen-elemen yang akan dikaji, seperti lokasi, subjek, tempoh masa dan kaedah data yang dikumpulkan. Skop kajian memberikan struktur yang

jelas kepada pengkaji dan memastikan bahawa kajian dapat dilaksanakan secara jelas dan teratur serta memastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian (Sekaran, U., & Bougie, R., 2016).

Kajian yang dilaksanakan pada Muzium Royal Selangor adalah terletak di mukim Gombak dan dalam daerah Setapak. Lokasi yang tepat adalah di 4, Jalan Usahawan 6, Setapak Jaya, 53300 10 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Lokasi ini menjadi titik pusat kajian di mana data akan dikumpulkan dan analisis akan dilakukan serta membolehkan pengkaji dapat mengarahkan fokus kajian dan mengumpulkan maklumat yang relevan dari lokasi tersebut.

Subjek kajian yang dilakukan adalah tertumpu kepada pelajar khususnya di peringkat Sekolah Menengah. Subjek kajian ini tertumpu kepada tertumpu kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah yang terdiri daripada tingkatan satu hingga lima mengunjungi ke Muzium Royal Selangor dengan tujuan lawatan sambil belajar bersama guru pengiring yang bertugas. Subjek kajian ini amat penting kepada pengkaji dalam meneliti persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor untuk memahami kesan lawatan sambil belajar.

Tempoh masa pelaksanaan kajian lapangan ini adalah selama tiga bulan, bermula dari Oktober 2022 hingga Januari 2023. Tempoh ini merangkumi waktu di mana data akan dikumpulkan secara langsung dari sumber dan responden yang terlibat dalam kajian. Selama tempoh ini, pengkaji akan melakukan pengumpulan data, analisis dan penilaian berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan. Tempoh tiga bulan ini memberikan jangka masa yang mencukupi untuk membolehkan pengkaji mengumpul maklumat yang relevan dan melaksanakan analisis yang diperlukan dalam kajian ini.

Pemboleh ubah yang ditetapkan dalam kajian ini adalah persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor, faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar, nilai pendidikan yang diperoleh daripada lawatan ke muzium, dan cadangan untuk penambahbaikan sepanjang

keberadaan dalam lawatan tersebut. Pemboleh ubah membolehkan pengkaji dapat merumus cadangan dan penambahbaikan untuk meningkatkan pengalaman pelajar pelajar Sekolah Menengah sepanjang lawatan di Muzium Royal Selangor.

Kaedah kajian iaitu keadah pengumpulan data yang ditetapkan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kombinasi antara kaedah kuantitatif dan kualitatif. Teknik pengumpulan data termasuk pensampelan pelajar sebelum dan selepas lawatan ke Muzium Royal Selangor, temubual individu dengan pelajar dan soal selidik tentang kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan. Kombinasi kaedah ini memberikan kepelbagaian maklumat yang lebih komprehensif dan membolehkan pengkaji untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang pengalaman dan kepuasan pelajar terhadap lawatan ke Muzium Royal Selangor.

Akhir sekali, elemen seperti lokasi, subjek, tempoh, dan kaedah pengumpulan data memainkan peranan penting dalam menyediakan struktur yang jelas kepada kajian. Fokus kepada persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor dapat mengumpulkan data yang relevan dan mendapatkan pandangan tentang kesan lawatan pendidikan. Skop yang ditetapkan adalah bagi memastikan kesahihan dalam dapatan kajian.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian merujuk kepada nilai dan manfaat yang diperolehi daripada melakukan kajian tersebut. Ia menjadi penting kerana memberikan justifikasi dan tujuan yang jelas bagi menjalankan penyelidikan, serta memberikan panduan dalam proses pengumpulan data dan analisis maklumat (Robert K. Yin, 2009).

Kepentingan yang dicapai melalui kajian ini adalah dapat memahami fungsi muzium pada masa kini dengan mengambil kira perubahan dinamik sosioekonomi, peningkatan teknologi dan perubahan jangkaan pelawat. Pengetahuan ini penting untuk profesional muzium, penggubal dasar

dan ahli akademik untuk menyesuaikan dan membangunkan teknik untuk memenuhi permintaan dan minat orang ramai. Melalui kajian ini, juga dapat menerangkan bagaimana muzium menjadi relevan dan berpengaruh dalam mengekalkan warisan budaya, menggalakkan pendidikan, dan memupuk penyertaan masyarakat khususnya pelajar-pelajar Sekolah Menengah.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat mengubah dasar dan membuat keputusan dengan membimbing penggubal dasar dan membuat keputusan di muzium. Dalam konteks, membantu penggubal dasar memperuntukkan sumber, mewujudkan rancangan strategik dan kemampanan muzium dengan menawarkan pandangan berasaskan bukti tentang kesan dan keberkesanan program muzium, pameran dan aktiviti pendidikan. Kesannya dapat mempengaruhi hala tuju dan matlamat institusi muzium, menghasilkan keputusan yang lebih termaklum dan berpengaruh yang memberi manfaat kepada komuniti dan sektor budaya yang lebih besar.

Disamping itu, hasil kajian ini juga dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam sesebuah institusi muzium dengan membantu meningkatkan pengalaman dan penyertaan pelajar dalam persekitaran muzium. Kajian ini menyediakan nasihat praktikal kepada pendidik dan pentadbir muzium dengan mengenal pasti teknik yang berkesan, program pendidikan dan komponen interaktif. Ia menekankan keperluan membangunkan persekitaran pembelajaran yang mengasyikkan dan interaktif yang bertindak balas kepada keperluan dan gaya pembelajaran pelajar yang berbeza. Lalu, menghasilkan pengalaman pendidikan yang lebih bermakna dan tidak dapat dilupakan, memupuk rasa hormat seumur hidup untuk budaya, seni dan sejarah.

Seterusnya, hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber untuk penyelidikan bagi masa masa depan. Kajian adalah sumber dan asas yang penting untuk usaha penyelidikan masa depan dalam subjek kajian muzium. Penyelidik- penyelidik yang berminat dengan tema berkaitan, seperti kepentingan muzium atau menambah baik pengalaman pelajar, mungkin mengembangkan hasil dan teknik kajian. Ia berfungsi sebagai batu loncatan untuk kajian masa depan, membolehkan

pengumpulan maklumat dan penciptaan amalan terbaik dalam pengajaran muzium dan interaksi pelawat khususnya pelajar Sekolah Menengah.

Kesimpulannya, kajian ini memberi manfaat daripada pelbagai aspek tentang peranan muzium dan kesannya terhadap pelajar, penggubalan dasar dan penyelidikan masa depan. Penemuan ini memberikan pandangan tentang fungsi muzium yang berkembang dalam masyarakat hari ini, membantu dalam menggubal dasar yang berkesan dan proses membuat keputusan, meningkatkan penglibatan pelajar dan pengalaman pembelajaran serta menyumbang kepada pembangunan strategi yang menggalakkan pemeliharaan warisan budaya, pertumbuhan pendidikan, dan penglibatan masyarakat dalam sektor budaya yang lebih luas.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.0 PENELITIAN KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur adalah berdasarkan karya ilmiah dan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pelbagai ahli akademik dan pakar dalam bidang tertentu. Para sarjana menyumbang kepada badan pengetahuan dengan menerbitkan penemuannya dalam jurnal akademik, buku, kertas persidangan, dan sumber lain yang bereputasi. Kajian literatur mengkaji dan mensintesis sumber-sumber ini untuk memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang penyelidikan sedia ada mengenai topik tertentu (Diana Ridley, 2012).

2.1 KAJIAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MUZIUM

Kajian terhadap sikap pelajar Sekolah Menengah terhadap muzium seni dan persepsi mereka terhadap nilai muzium. Kajian ini menyiasat pengaruh minat peribadi, pengalaman seni terdahulu, dan peranan program pendidikan dalam membentuk sikap pelajar (Asst. Madya Dr. Kadir Ulusoy, 2010). Dapatan kajian menyumbang kepada pemahaman tentang sikap pelajar terhadap muzium seni maya dan memberikan cadangan untuk memupuk sikap positif dan penglibatan. Kajian ini menekankan kepentingan untuk menggabungkan aktiviti interaktif dan penyertaan yang sesuai dengan minat pelajar untuk meningkatkan pengalaman muzium tersebut.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan sikap pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor dengan faktor-faktor seperti minat peribadi, pengalaman seni terdahulu, dan program pendidikan. Dapatan kajian memberikan pemahaman tentang persepsi pelajar terhadap nilai muzium seni dan memberikan cadangan untuk memupuk sikap positif dan keterlibatan mereka. Kajian ini menekankan pentingnya mengintegrasikan aktiviti interaktif dan 16 penyertaan yang sesuai dengan minat pelajar, sehingga dapat meningkatkan pengalaman mereka dalam muzium tersebut.

Kajian ini menyiasat sikap pelajar Sekolah Menengah terhadap muzium sejarah dan persepsi terhadap nilai pendidikan lawatan muzium. Kajian ini juga meneroka peranan keaslian, penglibatan emosi, dan kaitan naratif sejarah dalam membentuk sikap pelajar (Henriikka Vartiainen dan Jorma Enkenberg, 2013). Dapatan kajian menyumbang kepada pemahaman tentang sikap pelajar terhadap muzium sejarah dan memberikan implikasi dalam membentuk pengalaman pendidikan yang menarik. Kajian ini menekankan kepentingan mencipta pameran yang memupuk hubungan emosi dan menyediakan konteks sejarah untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor dengan faktor-faktor seperti keaslian, penglibatan emosi, dan kaitan naratif sejarah. Dapatan kajian memberikan pemahaman tentang sikap pelajar terhadap muzium sejarah dan memberikan implikasi dalam membentuk pengalaman pendidikan yang menarik. Kajian ini menekankan pentingnya mencipta pameran yang memupuk hubungan emosi dan menyediakan konteks sejarah, sehingga dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dalam muzium tersebut.

2.2 KAJIAN TERHADAP SIKAP PELAJAR DALAM SESEBUAH MUZIUM

Kajian yang memfokuskan kepada sikap pelajar terhadap muzium sains dan menyiasat faktor yang mempengaruhi sikap ini. Kajian ini meneroka kesan pengalaman muzium terdahulu, reka bentuk pameran, dan peranan pendidik muzium dalam membentuk sikap pelajar (Lynn Uyen Tran, 2018). Dapatan daripada kajian memberi penerangan tentang kedua-dua aspek positif dan 17 negatif sikap pelajar terhadap muzium. Kajian ini menyerlahkan kepentingan mereka bentuk pameran yang menarik dan bermaklumat, serta peranan penting pendidik muzium mahir dalam mencipta pengalaman pendidikan yang bermakna.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor dengan faktor-faktor seperti keaslian, penglibatan emosi, dan

kaitan naratif sejarah. Dapatan kajian memberikan pemahaman tentang sikap pelajar terhadap muzium sejarah dan memberikan implikasi dalam membentuk pengalaman pendidikan yang menarik. Kajian ini menekankan pentingnya mencipta pameran yang memupuk hubungan emosi dan menyediakan konteks sejarah, sehingga dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dalam muzium tersebut.

Kajian memfokuskan kepada penglibatan belia di muzium, dengan penekanan khusus kepada remaja berumur 15 hingga 17 tahun. Sorotan kajian memfokuskan penerbitan untuk meneroka faktor yang mempengaruhi keseronokan dan minat remaja semasa lawatan muzium. Juga, penyepaduan teknologi seperti sumber multimedia atau paparan digital interaktif dapat mengekalkan perhatian remaja (Emily Dawson dan Justin Russell, 2016). Dapatan ini menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran muzium yang inklusif dan mesra yang menghormati pelbagai latar belakang, minat dan perspektif remaja.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian menunjukkan pentingnya penglibatan belia dalam muzium, khususnya remaja berumur 15 hingga 17 tahun. Sorotan kajian adalah faktor-faktor yang mempengaruhi keseronokan dan minat remaja semasa lawatan muzium, termasuk penggunaan penerbitan dan teknologi interaktif. Dapatan ini menekankan perlunya mewujudkan persekitaran muzium yang inklusif, mesra, dan menghormati pelbagai latar belakang, minat, dan perspektif remaja.

Kajian memfokuskan kepada perspektif pendidik muzium dalam mencipta pengalaman yang menarik untuk remaja berumur 13 hingga 17 tahun. (Krista Dahl Kusuma and Gabrielle Wyrick, 2014). Penelitian adalah melalui temu bual dan tinjauan dengan meneroka strategi dan pendekatan yang digunakan oleh muzium untuk menangkap keseronokan remaja dan memupuk pembelajaran bermakna. Dapatan kajian menekankan kepentingan aktiviti hands-on, sumber multimedia, dan

peluang pembelajaran kolaboratif dalam menarik pelawat remaja. Kajian ini memberi tumpuan kepada perspektif pendidik muzium dengan pendekatan yang berkesan untuk menarik minat remaja.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan perkara relevan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian ini menunjukkan pentingnya strategi dan pendekatan yang digunakan oleh pendidik muzium untuk mencipta pengalaman menarik bagi remaja berumur 13 hingga 17 tahun. Dalam kajian ini, aktiviti hands-on, sumber multimedia, dan peluang pembelajaran kolaboratif ditekankan sebagai cara yang efektif untuk menarik minat dan memupuk pembelajaran bermakna dalam kalangan remaja. Kajian ini memberikan perspektif penting dari sudut pendidik muzium dan pendekatan yang dapat digunakan untuk meningkatkan minat remaja terhadap muzium.

Kajian perbandingan yang mengkaji sikap pelajar terhadap muzium sejarah semula jadi di dalam kumpulan fokus. Kajian ini meneroka kesan latar belakang budaya, reka bentuk pameran, dan persekitaran pendidikan terhadap sikap pelajar (James F. Kisiel, 2014). Dapatan kajian mendedahkan variasi silang budaya dalam sikap pelajar terhadap muzium sejarah semula jadi dan menyerlahkan kepentingan konteks dalam membentuk sikap ini. Kajian ini menekankan keperluan 19 untuk pameran dan program responsif budaya yang memenuhi pelbagai latar belakang dan perspektif pelajar.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian ini mengungkapkan perbezaan sikap pelajar terhadap muzium sejarah semula jadi berdasarkan latar belakang budaya mereka. Kajian juga menyoroti pentingnya konteks dalam membentuk sikap pelajar terhadap muzium tersebut. Hasil kajian ini menekankan perlunya pameran dan program pendidikan yang responsif terhadap budaya, yang dapat mengakomodasi berbagai latar belakang dan perspektif pelajar.

2.3 KAJIAN TERHADAP PENGALAMAN PELAJAR DALAM MUZIUM

Kajian tentang penglibatan pelajar dalam muzium dan mengkaji reaksi positif dan negatif. Kajian ini menyiasat faktor-faktor yang menyumbang kepada keseronokan dan unsur-unsur yang menghalang penglibatan pelajar (Carole Henry, 2011). Penganalisan berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan dalam persekitaran muzium. Dapatan kajian memberikan pandangan tentang cara muzium dapat mencipta pengalaman yang bermakna dan menarik dengan mengambil kira kedua-dua aspek positif yang meningkatkan kepuasan pelawat dan aspek negatif yang menjejaskan pengalaman keseluruhan. Kajian itu menekankan kepentingan dalam memahami perspektif dan pengalaman pelajar dalam membentuk penawaran muzium.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian ini menyelidiki faktor-faktor yang mempengaruhi keseronokan dan penglibatan pelajar dalam muzium, serta unsur-unsur yang dapat menghalang penglibatan mereka. Dapatan kajian ini menekankan pentingnya memahami perspektif dan pengalaman pelajar, serta mengambil kira aspek positif yang meningkatkan 20 kepuasan pelawat dan aspek negatif yang dapat menghalang pengalaman keseluruhan dalam muzium.

Kajian yang bertujuan untuk mengukur kepuasan pelajar terhadap lawatan muzium seni dengan menggunakan Indeks Kepuasan Pelanggan Amerika (ACSI) serta ia dilalukan dengan teknik tinjauan Kajian (Giacomo Del Chiappa, Luisa Andreu, Martina Gallarza, 2014). Penelitian ini dari aspek kemudahan muzium, pameran, program pendidikan, dan keseluruhan pengalaman pelajar semasa lawatan ke muzium seni. Dapatan kajian membimbing muzium seni dalam meningkatkan perkhidmatan dan meningkatkan kepuasan pelajar. Kajian ini menyediakan penilaian kuantitatif terhadap kepuasan pelajar dan menawarkan pandangan tentang bidang yang menyumbang kepada pengalaman muzium yang positif untuk pelajar.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian memberikan panduan yang berharga kepada muzium seni untuk meningkatkan perkhidmatan dan meningkatkan kepuasan pelajar dengan menggunakan template seperti Indeks Kepuasan Pelanggan Amerika (ACSI) dalam penilaian kuantitatif terhadap kepuasan pelajar dan memberikan pandangan mengenai bidangbidang yang menyumbang kepada pengalaman muzium yang positif bagi pelajar.

Kajian yang memfokuskan kepada teknologi digital, khususnya penceritaan dan gamifikasi digital, dalam meningkatkan pengalaman muzium terhadap remaja terhadap Sejarah dan Alam Sains (Vanessa Cesaerio, Antonio Coelho dan Valentina Nisi, 2022). Kajian ini bertujuan untuk mewujudkan garis panduan, mengubah reka-bentuk pengalaman interaktif, dan menyiasat kesan pengalaman ini terhadap keseronokan dan penglibatan pelawat muda (15-17 tahun). Penelitian dengan sampel mengumpul maklum balas, tinjauan dan temu bual dengan muzium antarabangsa. Dapatan kajian menyumbang kepada reka bentuk pengalaman interaktif yang memenuhi keperluan dan keutamaan khusus pelawat muda di Muzium Sejarah dan Sains. Kajian ini menekankan pengalaman muzium yang menyeronokkan dan menarik untuk penonton muda dengan menggabungkan teknik penceritaan digital dan gamifikasi.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital, seperti penceritaan dan gamifikasi, dapat meningkatkan pengalaman muzium remaja. Kajian ini juga menekankan pentingnya mengubah reka bentuk pengalaman interaktif untuk memenuhi keperluan dan keutamaan pelawat muda. Penglibatan pelajar melalui teknologi digital dapat meningkatkan keseronokan dan penglibatan mereka dalam lawatan ke muzium.

Kajian memfokuskan pengalaman remaja berumur 13 hingga 17 tahun ketika melibatkan diri dengan artifak di muzium. Penelitian melalui berinteraksi remaja dengan pelbagai paparan (Mary

Johnson, Jane Thompson dan Mark Davis, 2003). Kajian ini mengenal pasti elemen utama yang menyumbang kepada keseronokan dan minat remaja. Dapatan kajian menekankan kepentingan interaksi sosial dan penglibatan rakan sebaya dalam membentuk pengalaman remaja dalam muzium. Kajian ini memberikan panduan berharga untuk pengamal dan pendidik muzium dalam mencipta pengalaman muzium yang menarik dan bermakna bagi remaja.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Dapatan kajian ini memberikan pemahaman tentang persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Melalui kajian ini, dapat ditemukan pandangan pelajar mengenai nilai dan relevansi muzium tersebut dalam konteks pendidikan dan pengalaman budaya. Hasil kajian ini dapat memberikan informasi yang berharga bagi Muzium Royal Selangor untuk memahami preferensi pelajar, meningkatkan pengalaman mereka, dan meningkatkan pendekatan pendidikan yang sesuai.

Artikel yang memberi gambaran keseluruhan tentang lawatan lapangan muzium dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar (Stephen Bitgood, 1989). Artikel ini membincangkan faedah lawatan lapangan dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, memupuk rasa ingin tahu, dan menggalakkan penglibatan dengan subjek. Penulis meneliti pelbagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku pelawat semasa lawatan lapangan ke muzium, termasuk peranan guru, reka bentuk pameran, dan organisasi perjalanan. Artikel ini diakhiri dengan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan lawatan lapangan ke muzium dalam memudahkan pengalaman pembelajaran yang bermakna untuk pelajar.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat menghubungkan dengan persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor. Artikel ini memberikan wawasan yang berguna tentang bagaimana lawatan lapangan ke muzium dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Dalam konteks persepsi pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor, Misalnya, artikel tersebut

menyebutkan bahwa lawatan ke muzium dapat memperkuat pengalaman pembelajaran, memupuk rasa ingin tahu, dan mendorong pelibatan dengan subjek yang dipelajari. Oleh karena itu, dengan mengaitkan dapatan dari artikel ini dengan persepsi pelajar terhadap Muzium Royal Selangor, dapat ditemukan bahwa lawatan ke muzium tersebut dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan meningkatkan motivasi serta penyertaan pelajar.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 MAKNA METODOLOGI

Kajian Takrifan "metodologi" dalam kajian merujuk kepada pendekatan sistematik yang digunakan untuk mereka bentuk, menjalankan dan menganalisis penyelidikan. Ini termasuklah kaedah yang digunakan dalam kajian, reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data (Othman Mohamed, 2001). Bab ini meliputi metodologi kajian yang telah digunakan dalam kajian ini. Bab ini akan membincangkan beberapa topik dengan lebih mendalam untuk memenuhi kajian, berikutnya adalah topik-topik tersebut:

1. Populasi dan Pensampelan Kajian
2. Instrumen Pengumpulan Data
3. Teknik Penganalisan Data
4. Jangkaan Dapatan Kajian
5. Pertimbangan Etika
6. Kesimpulan

3.1 PENSAMPELAN DAN POPULASI KAJIAN

Pensampelan kajian meliputi Guru pengiring dan pelajar Sekolah Menengah yang melawat Muzium Royal Selangor. Populasi responden pelajar terdiri daripada 300 orang dan 4 responden Guru pengiring sebagai wakil setiap Sekolah. Harapan pengkaji bagi mendapatkan responden sebanyak 500-600 responden. Teknik ini bertujuan bagi memastikan kepelbagaian dalam representasi guru pengiring sebagai wakil pelajar yang dapat memperoleh maklumat yang lebih khusus.

3.2 INSTRUMEN PENGUMPULAN

Data Soal selidik skala likert akan digunakan terhadap responden pelajar bagi menjawab objektif 1 iaitu mengkaji kesedaran pelajar tentang konservasi warisan budaya melalui pengalaman di Muzium Royal Selangor. Soal selidik ini terdiri daripada beberapa pernyataan yang diikuti oleh skala Likert dengan pilihan yang berstruktur seperti "Setuju", "Sangat Setuju", "Tidak Setuju", dan "Sangat Tidak Setuju". Responden diminta untuk menunjukkan sejauh mana mereka setuju atau tidak setuju dengan pernyataan-pernyataan tersebut. Sila rujuk Lampiran A untuk contoh soal selidik.

Seterusnya, Temu bual berstruktur akan dilakukan bersama guru pengiring untuk menjawab objektif 2, iaitu menilai kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan semasa melawat Muzium Royal Selangor. Temu bual berstruktur merupakan sesi tanya jawab yang teratur menggunakan soalan yang telah dirancang. Temu bual ini, terdapat 10 soalan yang berkaitan dengan perkhidmatan Muzium Royal Selangor dan responden diminta untuk menjawab soalan soalan berstruktur secara lisan. Sila rujuk Lampiran B untuk contoh borang Temu Bual.

3.3 TEKNIK PENGANALISISAN DATA

Penggunaan "Statistical Package for the Social Sciences" iaitu IBM SPSS dalam menganalisis data kuantitatif. Teknik ini melibatkan pengiraan statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai untuk setiap item dan respons dalam soal selidik. Analisis ini memberikan gambaran keseluruhan pusat data.

Penggunaan analisis tematik dalam menganalisis data kualitatif yang diperoleh dalam temu duga. Teknik ini adalah proses yang fleksibel dan berulang yang membolehkan pengenalpastian corak, makna, dan interpretasi dalam data kualitatif. Ia meliputi langkah - langkah seperti transkripsi, pemahaman kandungan, pengenalpastian kandungan, penelitian corak kandungan, interpretasi kandungan dan penghasilan dapatan.

3.4 JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Kesedaran pelajar Sekolah Menengah terhadap bidang Konservasi warisan budaya meningkat selepas kunjungan Muzium Royal Selangor, oleh kerana elemen pemuliharaan dan pemeliharaan yang diamalkan oleh Muzium tersebut.

Kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan yang disediakan di Muzium Diraja Selangor pada tahap baik, oleh kerana kualiti pameran dan perkhidmatan di dalam muzium dijangka memberi pengalaman yang memuaskan.

3.5 PERTIMBANGAN ETIKA

Kajian ini mematuhi garis panduan etika bagi penyelidikan yang melibatkan persetujuan daripada pihak atasan seperti Pensyarah Projek Penyelidikan 1 dan Guru pengiring dalam menyemak semula borang soal selidik sebelum diedarkan kepada responden pelajar. Data responden dilindungi dengan ketat dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan serta khususnya diakses oleh penyelidik. Hasil penyelidikan ini akan digunakan secara bertanggungjawab dan disampaikan dengan integriti, menghormati hak-hak serta mengutamakan manfaat ilmu pengetahuan (Juwel Rana, Segufta Dilshad dan Md. Ali Ahsan, 2021).


DAPATAN KAJIAN

4.0 DAPATAN DAN HASIL KAJIAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan hasil dapatan kajian daripada keseluruhan responden. Tujuan perbincangan ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan pada bab satu. Hasil dapatan yang akan diulas ini adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Dapatan kuantitatif Soal Selidik likert dibentang dalam bentuk graf pie dan bar sebagai penjelasan. Manalaka, dapatan kualitatif dibentang dengan jadual yang berbentuk pola tematik bagi menganalisis data teks Temu Bual.


4.1 DAPATAN DAN HASIL SOAL SELIDIK

4.1.1 PENEMUAN BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN




Rajah 1: Menunjukkan data jantina

Penemuan dapatan jantina dalam kajian Perspektif Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Muzium Royal Selangor, menunjukkan sebanyak 64.7% daripada 300 pelajar yang menjawab soal selidik adalah perempuan (194 orang), manakala 35.3% atau 106 orang adalah lelaki. Hasil ini memberikan pandangan faktor tentang minat dan pandangan pelajar terhadap pengalaman di Muzium Royal Selangor.



Rajah 2: Menunjukkan data umur


Dalam penelitian mengenai Perspektif Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Muzium Royal Selangor, ditemukan adalah sebanyak 74 orang atau 24.6% dari responden yang berusia 13 tahun, kelompok berusia 14 tahun memiliki jumlah 73 orang atau 25.3% dan sementara itu, sebanyak 40 orang atau 13.3% yang berusia 15 tahun, 52 orang atau 17.3% berusia 16 tahun serta responden berusia 17 tahun mencapai 51 orang atau 16.9% dan yang berusia 18 tahun sebanyak 11 orang atau 3.11%. Variasi ini mencerminkan perbezaan pandangan dan minat pelajar dalam berbagai kelompok usia terhadap pengalaman di Muzium Royal Selangor.



Rajah 3: Menunjukkan data bangsa

Dalam kajian Perspektif Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Muzium Royal Selangor, dapat dilihat bahawa sebanyak 261 orang atau 87.9% daripada responden adalah dari bangsa Melayu. Sementara itu, kelompok Cina diwakili oleh 18 orang atau 6.1%, kelompok India sebanyak 11 orang atau 3.7% serta terdapat juga 7 orang atau 2.4% daripada kategori lain-lain.

dari kelompok lain-lain. Perincian ini mencerminkan kepelbagaian etnik dalam responden dan memberikan gambaran mengenai perspektif pelajar dari latar belakang etnik yang berbeza terhadap Muzium Royal Selangor.



Rajah 4: Menunjukkan data tahap pengajian

Dalam kajian Perspektif Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Muzium Royal Selangor, terdapat 168 orang atau 56.4% daripada responden adalah pelajar dari Sekolah Menengah Rendah, manakala 130 orang atau 43.6% adalah dari Sekolah Menengah Atas. Perbezaan ini mencerminkan sumbangan responden dalam kategori tahap pengajian yang memberikan pandangan yang lebih khusus terhadap perspektif dan tanggapan pelajar dari kedua-kedua bahagian tingkatan sekolah yang berbeza tersebut terhadap pengalaman di Muzium Royal Selangor.



Rajah 5: Menunjukkan data aliran pengajian.

Dalam kajian Perspektif Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Muzium Royal Selangor, aliran pengajian responden menunjukkan kepelbagaian. Sebanyak 13 orang atau 8.8% berasal dari aliran Sains, 26 orang atau 17.6% dari aliran Sastera, 14 orang atau 9.5% dari aliran Sains Sosial, 2 orang atau 1.4% dari aliran Kejuruteraan, 31 orang atau 20.9% dari aliran Perniagaan dan 62 orang


atau 41.9% dari aliran Teknik dan Vokasional. Sumbangan ini menyoroti perbezaan dalam pandangan dan minat pelajar.



Rajah 6: Menunjukkan data tempat tinggal


Dalam kajian Perspektif Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Muzium Royal Selangor, 100% daripada 300 responden adalah dari bandar, manakala luar bandar tidak diwakili iaitu (0.00%). Dapatan ini menunjukkan bahawa semua responden adalah daripada bandar, penelitian ini memberikan fokus kepada pandangan pelajar bandar terhadap pengalaman di Muzium Royal Selangor tanpa melibatkan perspektif responden luar bandar.

4.1.2 PENEMUAN BAHAGIAN B: MENGUKUR PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KOLEKSI MUZIUM ROYAL SELANGOR




Rajah 7: Menunjukkan data koleksi- koleksi yang dipamerkan adalah menarik.

Dalam mengukur pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “Koleksi yang dipamerkan adalah menarik,” sebanyak 8 orang atau 2.7% menyatakan ketidakpastian, manakala sebanyak 293 orang atau 97.3% sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Keputusan ini menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap daya tarik koleksi di muzium, dengan majoriti responden menyatakan persepsi positif terhadap koleksi yang dipamerkan.




Rajah 8: Menunjukkan data variasi dan kepelbagaian dalam koleksi yang dipamerkan.

Dalam menilai pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “variasi dan kepelbagaian dalam koleksi yang dipamerkan” menunjukkan bahawa 47 orang atau 15.6% responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Sementara itu, 199 orang atau 66.1% menyatakan ketidakpastian, hanya 54 orang atau 17.9% yang setuju, dan 1 orang atau 0.3% sangat setuju. Keputusan ini memberikan persepsi berbeza, walaupun bagaimanapun majoriti responden menyatakan koleksi di muzium mencerminkan variasi dan kepelbagaian.




Rajah 9: Menunjukkan data penyusunan dan paparan koleksi adalah berkesan.

Dalam mengukur pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “penyusunan dan paparan koleksi adalah berkesan,” dapatan menunjukkan bahawa 15 orang atau 5% responden tidak pasti dan sebanyak 286 orang atau 95% menyatakan persetujuan terhadap kesan berkesan dalam penyusunan dan paparan koleksi di muzium. Keputusan ini menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap penyusunan dan paparan koleksi di Muzium Royal Selangor daripada perspektif pelajar




Rajah 10: Menunjukkan data koleksi pada bahagian media interaktif adalah menarik.

Dalam mengukur pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “koleksi pada bahagian media interaktif adalah menarik,” dapatan menunjukkan bahawa 5 orang atau 1.7% responden tidak pasti mengenai pernyataan tersebut. Sementara itu, 240 orang atau 79.7% menyatakan setuju dan 56 orang atau 18.6% sangat setuju dengan daya tarik koleksi pada bahagian media interaktif. Keputusan ini menunjukkan penerimaan positif terhadap kualiti menarik koleksi yang disajikan melalui media interaktif di muzium.




Rajah 11: Menunjukkan data penyampaian maklumat koleksi adalah jelas dan menarik.

Dalam menilai pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “penyampaian maklumat koleksi adalah jelas dan menarik,” dapatan menunjukkan bahawa 37 orang atau 12.3% responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Sementara itu, 15 orang atau 5% menyatakan tidak pasti, 241 orang atau 80.1% menyatakan setuju dan 8 orang atau 2.7% sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan persepsi mutlak terhadap kejelasan dan daya tarikan dalam penyampaian maklumat mengenai koleksi di Muzium Royal Selangor.




Rajah 12: Menunjukkan data koleksi-koleksi yang dipamerkan memberikan pemahaman tentang piuter.

Dalam mengukur pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “koleksi-koleksi yang dipamerkan memberikan pemahaman tentang piuter,” dapatan menunjukkan bahawa 14 orang atau 4.7% menyatakan tidak pasti, 87 orang atau 28.9% menyatakan setuju, dan 200 orang atau 66.4% sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan persepsi positif yang ketara terhadap koleksi di muzium memberikan pemahaman yang baik tentang piuter.




Rajah 13: Menunjukkan data koleksi-koleksi yang dipamerkan mencerminkan kepelbagaian aspek konservasi warisan budaya.

Dalam menilai pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “Koleksi-koleksi yang dipamerkan mencerminkan kepelbagaian aspek konservasi warisan budaya,” dapatan menunjukkan bahawa 40 orang atau 13.3% responden tidak pasti mengenai pernyataan tersebut. Sementara itu, 261 orang atau 86.7% menyatakan setuju. Keputusan ini menunjukkan penerimaan yang berkesan terhadap pandangan bahawa koleksi di muzium mencerminkan kepelbagaian dan konservasi warisan budaya.



Rajah 15: Menunjukkan data koleksi-koleksi yang dipamerkan memberikan inspirasi atau rangsangan kreatif.


Dalam menilai pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek “koleksi-koleksi yang dipamerkan memberikan inspirasi atau rangsangan kreatif,” dapatan menunjukkan bahawa 32 orang atau 10.6 % responden tidak pasti dan sementara itu, 269 orang atau 89.4 % menyatakan setuju. Keputusan ini menunjukkan majoriti responden melihat koleksi sebagai sumber inspirasi dan rangsangan kreatif dalam pengalamannya di Muzium Royal Selangor.



Rajah 16: Menunjukkan data Koleksi-koleksi yang menggambarkan perkembangan seni dan kraf tempatan.


Dalam menilai pandangan pelajar terhadap koleksi Muzium Royal Selangor dari aspek "Koleksi-koleksi yang menggambarkan perkembangan seni dan kraf tempatan," dapatan menunjukkan bahawa 133 orang atau 44.3% responden tidak pasti mengenai pernyataan tersebut. Sementara itu, 39 orang atau 13% menyatakan setuju, dan 249 orang atau 82.7% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini menunjukkan bahawa sebagian besar responden mengakui bahawa koleksi di muzium mencerminkan perkembangan seni dan kraf tempatan.

4.1.3 PENEMUAN BAHAGIAN C: MENGAJAI FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KUNJUNGAN PELAJAR KE MUZIUM ROYAL SELANGOR




Rajah 17: Menunjukkan data Pameran replika Menara Berkembar Petronas piuter.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “pameran replika Menara Berkembar Petronas piuter”, dapatan menunjukkan bahawa 39 orang atau 13% responden tidak pasti dan 262 orang atau 87% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan optimis majoriti responden terhadap pameran replika Menara Berkembar Petronas dalam memaksimumkan jumlah kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 18: Menunjukkan data Pameran koleksi piuter bergaya Barat dan rekaan Malaysia.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “koleksi piuter bergaya Barat dan rekaan Malaysia”, dapatan menunjukkan bahawa 3 orang atau 1% responden tidak pasti dan 298 orang atau 99% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti responden terhadap pameran koleksi piuter bergaya Barat dan rekaan Malaysia dalam meningkatkan peluang kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 19: Menunjukkan data pameran superhero yang diperbuat daripada piuter.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “pameran superhero yang diperbuat daripada piuter”, dapatan menunjukkan bahawa 33 orang atau 11% responden tidak pasti dan 267 orang atau 88.7% menyatakan setuju, serta 1 orang atau 0.3% responden menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap pameran superhero yang diperbuat daripada piuter dalam meningkatkan daya tarikan ke Muzium tersebut.




Rajah 20: Menunjukkan data pengalaman membuat mangkuk piuter sendiri.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “Pengalaman membuat mangkuk piuter sendiri,” dapatan menunjukkan bahawa 47 orang atau 15.7% responden tidak pasti dan 253 orang atau 84.3% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap pengalaman membuat mangkuk piuter sendiri dalam optimalisasi daya kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 21: Menunjukkan data pengalaman membuat aksesori piuter sendiri.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “pengalaman membuat aksesori piuter sendiri,” dapatan menunjukkan bahawa 29 orang atau 9.6% responden tidak pasti dan 272 orang atau 90.4% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap pengalaman membuat aksesori piuter sendiri dalam meningkatkan keberlanjutan kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 22: Menunjukkan data peluang bergambar selfie di The Hall of Frames.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “peluang bergambar selfie di The Hall of Frames”, dapatan menunjukkan bahawa 9 orang atau 3% responden tidak pasti dan 290 orang atau 96.7% menyatakan setuju serta 1 orang atau 0.3% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap peluang bergambar selfie di The Hall of Frames dalam meningkatkan peluang kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 23: Menunjukkan data panduan “audio guide” dalam pelbagai bahasa.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “panduan “audio guide” dalam pelbagai bahasa”, dapatan menunjukkan bahawa 22 orang atau 7.3% responden tidak pasti dan 279 orang atau 92.7% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap panduan “audio guide” dalam pelbagai bahasa dalam optimalisasi daya kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 24: Menunjukkan data kedai cenderamata yang menawarkan pelbagai barangan piuter untuk dibeli.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “kedai cenderamata yang menawarkan pelbagai barangan piuter untuk dibeli”, dapatan menunjukkan bahawa 72 orang atau 23.9% responden tidak pasti dan 226 orang atau 75.1% menyatakan setuju serta 2 orang atau 0.7% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap kedai cenderamata yang menawarkan pelbagai barangan piuter untuk dibeli dalam meningkatkan keberlanjutan kunjungan ke Muzium tersebut.



Rajah 25: Menunjukkan data mesin cetak gambar yang dipersonalisasi.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “mesin cetak gambar yang dipersonalisasi”, dapatan menunjukkan bahawa 14 orang atau 4.7% responden tidak pasti dan 286 orang atau 95% menyatakan setuju serta 1 orang atau 0.3% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap pameran replika Menara Berkembar Petronas dalam meningkatkan daya tarikan ke Muzium tersebut.



Rajah 26: Menunjukkan data pastri dan kek yang tersedia di kafe Muzium.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium”, dapatan menunjukkan bahawa 64 orang atau 21.3% responden tidak pasti dan 237 orang atau 78.7% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan pandangan positif majoriti pelajar terhadap pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium dalam meningkatkan keberlanjutan kunjungan ke Muzium tersebut.

4.1.4 PENEMUAN BAHAGIAN D: MENILAI KEPUASAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN DALAM PENGALAMAN MELAWAT MUZIUM ROYAL SELANGOR




Rajah 27: Penyusunan dalam pengaturan acara adalah terbaik.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “penyusunan dalam pengaturan acara adalah terbaik”, dapatan menunjukkan bahawa 19 orang atau 6.3% responden tidak pasti dan 282 orang atau 93.7% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan kebanyakan majoriti responden terhadap penyusunan dalam pengaturan acara adalah terbaik, sememangnya ia telah memberi dampak positif daripada kunjungan ke Muzium tersebut.




Rajah 28: Layanan petugas dalam muzium adalah terbaik.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “layanan petugas dalam muzium adalah terbaik”, dapatan menunjukkan bahawa 10 orang atau 3.3% responden tidak pasti dan 290 orang atau 96.3% menyatakan setuju serta 1 orang atau 0.3% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan kebanyakan majoriti responden tentang layanan petugas dalam Muzium adalah terbaik, sememangnya ia telah memberi kesan positif daripada kehadiran ke Muzium tersebut.




Rajah 29: Waktu layanan antara stesen pameran adalah terbaik.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “waktu layanan antara stesen stesen pameran adalah terbaik”, dapatan menunjukkan bahawa 7 orang atau 2.3% responden tidak setuju, 146 orang atau 48.5% menyatakan tidak pasti dan 146 orang atau 48.5% menyatakan sangat setuju serta 2 orang atau 0.7% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan perpecahan pendapat yang ketara di kalangan responden mengenai kualiti waktu layanan antara stesen-stesen pameran di Muzium tersebut.



Rajah 30: Brosur atau panduan yang diberi adalah berguna.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “brosur atau panduan yang diberi adalah berguna”, dapatan menunjukkan bahawa 18 orang atau 6% responden tidak pasti dan 283 orang atau 94% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan majoriti responden tentang brosur atau panduan yang diberi adalah berguna, sememangnya ia telah memberi pengaruh positif daripada kunjungan ke Muzium tersebut.



Rajah 31: Segala media interaktif yang digunakan dalam muzium berfungsi dengan baik.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor

dari aspek “Segala media interaktif yang digunakan dalam muzium berfungsi dengan baik”, dapatan menunjukkan bahawa orang atau 3% responden pasti, 169 orang atau 56.1% menyatakan setuju dan 123 orang atau 40.9% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan sebahagian besar responden berkenaan brosur atau panduan yang diberi adalah berguna, sememangnya ia telah memberi pengaruh positif daripada kunjungan ke Muzium tersebut.



Rajah 32: Bahan pembuatan aksesori dan mangkuk piuter sendiri adalah terbaik.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “bahan pembuatan aksesori dan mangkuk piuter sendiri adalah terbaik”, dapatan menunjukkan bahawa 41 orang atau 13.6% responden pasti, 256 orang atau 85% menyatakan setuju dan 4 orang atau 1.3% menyatakan sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan sebahagian besar responden mengenai bahan pembuatan aksesori dan mangkuk piuter sendiri adalah terbaik, sememangnya ia telah memberi dampak positif daripada lawatan ke Muzium tersebut.



Rajah 33: Kualiti barangan cenderamata piuter adalah memadai.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “kualiti barangan cenderamata piuter adalah memadai”, dapatan menunjukkan bahawa 62

orang atau 20.6% responden tidak pasti dan 239 orang atau 79.4% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan majoriti responden tentang kualiti barangan cenderamata piuter adalah memadai, sememangnya ia telah memberi pengaruh positif daripada kunjungan ke Muzium tersebut.



Rajah 34: Kebersihan dalam dan di luar muzium adalah terbaik.


Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “kebersihan dalam dan di luar muzium adalah terbaik”, dapatan menunjukkan bahawa 53 orang atau 17.% responden tidak pasti dan 247 orang atau 82.3% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan majoriti responden terhadap kebersihan dalam dan di luar muzium adalah terbaik, sememangnya ia telah memberi impak positif daripada kunjungan ke Muzium tersebut.



Rajah 35: Kemudahan tempat duduk dan rehat yang mencukupi.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “kemudahan tempat duduk dan rehat yang mencukupi”, dapatan menunjukkan bahawa 53 orang atau 17.% responden tidak pasti dan 247 orang atau 82.3% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan sebahagian besar responden tentang kemudahan tempat duduk dan rehat yang mencukupi, sememangnya ia telah memberi impak keraguan dan ketidakpastian daripada

kunjungan ke Muzium tersebut.



Rajah 36: Harga Pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium adalah memadai.

Dalam mengkaji faktor yang mempengaruhi kunjungan Pelajar ke Muzium Royal Selangor dari aspek “harga Pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium adalah memadai”, dapatan menunjukkan bahawa 106 orang atau 35.2% responden tidak pasti dan 195 orang atau 64.8% menyatakan setuju. Keputusan ini mencerminkan sebahagian besar responden tentang harga Pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium adalah memadai, sememangnya ia telah memberi dampak keraguan dan ketidakpastian daripada kunjungan ke Muzium tersebut.

4.2 DAPATAN TEMU BUAL

4.2.1 BIOGRAFI RESPONDEN

Kod responden	Gambar	Profil
R1		Pn. Noraliza Binti Abidin merupakan guru Teknologi Pembinaan yang sedang berkhidmat Kolej Vokasional Setapak Kuala Lumpur, beliau telah dilahirkan pada 20 Mei 1979 dan berasal dari Beranang, Selangor.
R2		Pn. Rabiatul Adira binti Abdul Rahim merupakan guru mata pelajaran Sejarah yang sedang berkhidmat di Smk Taman Seri Rampai, beliau telah dilahirkan pada 31 Mac 1983 dan berasal dari Arau, Perlis
R3		Pn. Sofia binti Mohd Yassin merupakan guru mata pelajaran Pendidikan Moral dan Kaunseling yang sedang berkhidmat di Smk Danau Kota 2, beliau telah dilahirkan pada 18 Ogos 1988 dan berasal dari Rawang, Selangor.
R4		En. Roslee bin Yahya merupakan guru mata pelajaran Matematik yang sedang berkhidmat di Smk Tinggi Setapak, beliau telah dilahirkan pada 5 Januari 1981 dan berasal dari Muar, Johor.

4.2.2 TRANSKRIPSI TEMU BUAL

Responden	Soalan 1: Adakah para pelajar melawat Muzium Royal Selangor secara sukarela atau sebagai sebahagian daripada program sekolah?
-----------	--

R1	“Lawatan wajib bagi pelajar baru Vokasional, semua perlu hadir Visitor Centre ini”.
R2	“Terhad kepada 50 pelajar sahaja form 1 dan 2 sempena Bulan Sejarah penglibatan mereka secara sukarela , ”.
R3	“ Program khas kepada pelajar Pendidikan Moral semua tingkatan untuk melepaskan tekanan sebelum peperiksaan”.
R4	“Lawatan wajib anjuran subjek Kemahiran Hidup Bersepadu untuk mengenali pembuatan amali yang berunsurkan teknologi”.

Responden	Soalan 2: Adakah pelajar aktif berinteraksi dengan bahan bacaan di Muzium Royal Selangor?
R1	“Sebernarnya pelajar memerhati sahaja, kebanyakan tidak membaca ”.
R2	“Kebanyakan pelajar hanya membaca pameran tentang superhero dan KLCC sahaja”.
R3	“Secara keseluruhan pelajar tidak membaca setakat pemerhatian.”
R4	“Pelajar tidak membaca , memerhati sahaja”.

Responden	Soalan 3: Adakah pelajar aktif menulis maklumat semasa lawatan di Muzium Royal Selangor?
R1	“Terdapat sebahagian besar pelajar yang mencatat dalam gadget”.
R2	“Keaktifan pelajar dalam membuat catatan sangat sedikit ”.
R3	“Pelajar memang aktif dalam mencatat proses pembuatan aksesori”.
R4	“Sebenarnya ada pelajar yang menulis dan tidak ”.

Responden	Soalan 4: Apakah perasaan pelajar tentang cara penyampaian maklumat di Muzium Royal Selangor melalui pameran, panduan audio dan aktiviti lain?
R1	“Memudahkan pelajar dengan perkhidmatan paparan suara dan brosur”.
R2	“Pelajar teruja apabila pameran yang terdapat VR, ”.
R3	“Penggunaan teknologi memudahkan kefahaman terhadap pameran yang sedia ada”.
R4	“Pembuatan aksesori pewter sendiri disukai oleh ramai pelajar”.

Responden	Soalan 5: Adakah pelajar merasakan lawatan mereka ke Muzium Royal Selangor telah meningkatkan pemahaman tentang Konservasi warisan budaya?
R1	“Kefahaman tentang warisan ada tetapi konservasi tidak pasti”.
R2	“Pelajar sebenarnya dapat banyak informasi baru penjagaan objek Warisan dan Budaya
R3	“Kepentingan pemuliharaan koleksi artifak dapat diperoleh daripada Konservasi dan mengenali prosesnya ”.
R4	“Pelajar telah dapat ilmu baharu tentang objek warisan terutamanya ilmu pemuliharaan dan rawatan objek bersejarah.

Responden	Soalan 6: Pameran Muzium Royal Selangor yang manakah paling lama dilihat oleh pelajar?
R1	“Teko Barat dan tempatan diberi perhatian oleh ramai ramai pelajar”.
R2	“Pewter cartoon Iron Man menarik”.

R3	“Pameran bergambar di Hall Frame itu hampir semua pelajar melibatkan diri”.
R4	“Bahagian teko bergaya British Tempatan memberikan dilihat oleh ramai pelajar”.

Responden	Soalan 7: Apakah penelitian khusus terhadap Konservasi warisan budaya yang terdapat dalam Muzium?
R1	“Kehadiran pelajar terhadap artifak pewter memberikan kepentingan penjagaan objek warisan”.
R2	“Pelajar bertekad untuk menyimpan aksesori pewter yang dibuat untuk mengekalkannya untuk jangka masa panjang ”.
R3	“Pameran koleksi telah memberi kesan sampingan sahaja dan melihat sebagai alat keseronokkan”.
R4	“Penelitian dalam bidang ini memberi pendedahan baru terhadap pelajar dalam sejarah dan budaya Malaysia”.

Responden	Soalan 8: Bagaimanakah lawatan ke Muzium Royal Selangor akan meningkatkan minat pelajar terhadap Konservasi warisan budaya?
R1	“Penerapan penggunaan teknologi seperti paparan audio dan VR telah meningkatkan minat pelajar”.
R2	Pelajar tertarik dengan suasana aircond, kepadatan ilmu yang diberi, layanan petugas, brosur penggunaan alat Virtual dan sebagainya.
R3	“Kunjungan pelajar meningkat jikalau aktiviti hands-on diteruskan sahaja”.
R4	“Paparan pemeliharaan koleksi bersejarah dan proses menyemai ilmu dalam bidang tersebut dan bukan setakat objek warisan sahaja”.

Responden	Soalan 10: Adakah pelajar memberikan sebarang maklum balas atau komen tentang pengalaman lawatan di Muzium Royal Selangor??
R1	Komen tentang kurang kepelbagaian kek di kafe”.
R2	“Barangan cenderamata kurang estetik dan sedikit mahal”.
R3	“Pandangan pelajar tentang waktu antara setiap stesen pameran perlu dipertingkatkan
R4	“Media AR dan VR dalam melihat objek sangat berkualiti dan bermanfaat secara keseluruhan”.

4.2.3 ANALISIS TEMATIK TRANSKRIPSI PERBUALAN

Persetujuan responden	Tema Perbincangan				
	Keterlibatan berinteraksi dengan pameran	Kepuasan pelajar terhadap prasarana	Keberkesanan bahan dalam penyampaian ilmu	Keupayaan memperkenalkan Warisan Budaya piuter	Keaktifan pelajar sepanjang keberadaan
	setuju	tidak	setuju	setuju	setuju
	tidak	setuju	setuju	setuju	setuju
	tidak	setuju	setuju	tidak	setuju
	setuju	tidak	setuju	setuju	tidak
Jumlah keseluruhan	2	2	4	3	3

Analisis temu bual tematik yang berkaitan dengan keberkesanan bahan dalam penyampaian ilmu dan keupayaan memperkenalkan warisan budaya piuter menunjukkan bahawa beberapa responden mengakui nilai pentingnya memperkenalkan dan memahami konservasi warisan budaya melalui pengalaman di Muzium Royal Selangor. Ini menyokong objektif kajian untuk mengkaji kesedaran pelajar tentang konservasi warisan budaya. Analisis mengenai kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dalam pengalaman melawat Muzium Royal Selangor dengan tema yang berkaitan dengan kepuasan pelajar terhadap prasarana muzium dan keberkesanan bahan dalam penyampaian ilmu secara langsung berkaitan dengan objektif kajian untuk menilai kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dalam pengalaman melawat muzium. Respons positif dari beberapa responden tentang penggunaan teknologi seperti paparan audio dan VR, serta kepuasan terhadap prasarana yang disediakan, memberikan gambaran yang berguna bagi tujuan penilaian kepuasan pelajar.

5.0 CADANGAN

Bahagian cadangan, pengkaji mengulas tindakan penambahbaikan berdasarkan perbezaan hasil kajian yang diperolehi dan menunjukkan kesesuaian langkah-langkah tersebut dengan objektif kajian yang ditetapkan iaitu mengkaji kesedaran pelajar tentang konservasi warisan budaya melalui pengalaman di Muzium Royal Selangor dan Menilai kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dalam pengalaman melawat Muzium Royal Selangor.

5.1 CADANGAN DALAM MENGKAJI KESEDARAN PELAJAR TENTANG KONSERVASI WARISAN BUDAYA

Cadangan pertama kesedaran pelajar tentang Konservasi Warisan Budaya adalah memperkukuhkan koleksi yang membangkitkan minat. Ia dilakukan dengan penambahan koleksi yang menarik minat pelajar merupakan langkah penting untuk mengekalkan daya tarikan muzium. Koleksi yang berkaitan dengan konservasi dan seni tempatan tidak hanya menyediakan pengalaman yang menarik tetapi juga memperkukuhkan identiti dan warisan budaya tempatan.

Selain itu, meningkatkan keterlibatan melalui media interaktif. Ia dilakukan dengan integrasi lebih banyak elemen interaktif seperti aplikasi mudah alih dan papan interaktif, dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Melalui media interaktif pelajar dapat lebih mendalam memahami warisan budaya serta nilai seni yang disampaikan oleh muzium.

Seterusnya, peningkatan dalam penyampaian maklumat. Ia dapat dilakukan dengan pengembangan strategi penyampaian yang jelas dan menarik memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar dapat memahami kepelbagaian koleksi muzium dengan lebih baik. Penerangan yang teratur dan padat dengan visual yang menarik yang membantu menarik perhatian serta memastikan penyerapan maklumat yang lebih efektif.

Cadangan seterusnya bagi kesedaran pelajar tentang Konservasi Warisan Budaya adalah program pengalaman Amalan Konservasi. Ia dilakukan dengan program praktikal yang melibatkan pelajar dalam proses pembuatan artefak piuter secara tradisional dapat mengilhami kesedaran konservasi. Aktiviti seperti ini memberi mereka pengalaman langsung tentang usaha yang diperlukan untuk memelihara warisan budaya, memperkukuhkan ikatan emosi dengan warisan tersebut

5.2 CADANGAN DALAM MENILAI KEPUASAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN

Cadangan pertama dalam menilai kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan adalah memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara mendalam. Ini membolehkan muzium memahami dengan lebih baik keperluan dan harapan pelajar, memungkinkan penyesuaian yang lebih baik dalam menyediakan perkhidmatan yang memuaskan. Interaksi langsung ini memastikan pengalaman pelajar lebih bermakna dan relevan.

Selain itu, peningkatan latihan dan pembangunan kakitangan. Ia dapat dilakukan dengan menyeluruh memberikan kakitangan pengetahuan mendalam tentang bahan pameran dan kemahiran berinteraksi dengan pelajar. Pembangunan kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah meningkatkan keupayaan kakitangan untuk memberi penerangan yang informatif dan menyenangkan. Dengan itu, pelajar dapat memberikan pengalaman pendidikan yang lebih baik kepada pelajar.

Seterusnya, komitmen kepada pemeliharaan dan peningkatan infrastruktur. Ia dilakukan dengan program pemeliharaan berkala memastikan infrastruktur muzium berfungsi dengan baik, meningkatkan pengalaman lawatan pelajar. Pelaburan dalam kemudahan seperti landskap menarik, kebersihan yang terjamin, dan tempat duduk yang selesa menjamin kesan positif terhadap pengalaman pelajar di muzium. Ini menyokong kenyamanan dan kualiti pengalaman pelajar.

6.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Justeru, kepuasan pelajar terhadap Muzium Royal Selangor menunjukkan keberhasilan dalam beberapa aspek, termasuk penyusunan acara, layanan petugas, kebersihan, dan perkhidmatan. Hasil menunjukkan sebahagian besar pelajar merasakan pengalaman pelajar di muzium itu memuaskan. Namun, terdapat beberapa bidang yang perlu perhatian lebih lanjut. Misalnya, walaupun kebanyakan responden puas dengan layanan petugas, terdapat perpecahan pendapat tentang waktu layanan antara stesen-stesen pameran dan kualiti pastri di kafe muzium. Ini menyarankan perlunya peninjauan semula dan peningkatan dalam aspek-aspek tertentu. Tambahan pula, menyedari keperluan untuk menambah variasi barang di kedai cenderamata dan meningkatkan promosi pameran tertentu akan memperkukuh daya tarikan muzium kepada pelajar. Kesimpulannya, kajian ini memberikan pandangan yang berguna dalam menilai kepuasan pelajar dan mencadangkan langkah-langkah memperbaiki untuk meningkatkan pengalaman pelawatan di masa hadapan. Peningkatan itu adalah penting untuk memperluas kajian dengan melibatkan lebih banyak responden atau kumpulan sasaran untuk memperoleh gambaran yang lebih holistik dan meluas tentang persepsi pelajar terhadap muzium.

RUJUKAN

1. Bitgood, S. (1989). School field trips: An overview. *Visitor Behavior*, 4(2), 3-6.
2. Cesário, V., & Nisi, V. (2022). Designing with teenagers: A teenage perspective on enhancing mobile museum experiences. *International Journal of Child-Computer Interaction*, 32, 100454. <https://doi.org/10.1016/j.ijcci.2022.100454>
3. Creswell, J. W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
4. Dawson, E. (2017). Social justice and out-of-school science learning: Exploring equity in science television, science clubs, and maker spaces. *Science Education*, 101(3), 465-493. <https://doi.org/10.1002/sc.21288>
5. Doody, O., & Bailey, M. E. (2016). Setting a research question, aim and objective. *Nurse Researcher*, 23(4), 19-23. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/26997231/>
6. Editors of Encyclopaedia Britannica. (2023, June 20). Gestalt psychology. In Britannica. <https://www.britannica.com/science/Gestalt-psychology>
7. Fontana, A., & Frey, J. H. (2005). The interview: From structured questions to negotiated text. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *The Sage handbook of qualitative research* (3rd ed., pp. 695-728). Sage Publications.
8. Griffin, J. (2004). Research on students and museums: Looking more closely at the students in school groups. *Science Education*, 88(4), 591-610. <https://doi.org/10.1002/sc.20018>
9. International Council of Museums. (2007). ICOM Statutes. <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/statutes>
10. Jabatan Muzium Malaysia. Laman web rasmi. <https://www.jmm.gov.my/>

11. Jensen, N. (1994). Children's perceptions of their museum experiences: A contextual perspective. *Children's Environments*, 11(4), 300-324.
<https://www.jstor.org/stable/41514951>
12. Kisiel, J.F. (2014). Clarifying the complexities of school–museum interactions: Perspectives from two communities. *J Res Sci Teach*, 51: 342-367.
<https://doi.org/10.1002/tea.21129>
13. Kusuma, K. D., & Wyrick, G. (2014). Real Teens, Real Tours: Teen Engagement Strategies for the One-Time Visit. *The Journal of Museum Education*, 39(3), 276-283.
14. Kvale, S., & Brinkmann, S. (2009). *Interviews: Learning the craft of qualitative research interviewing* (2nd ed.). Sage Publications.
15. Max Wertheimer. (1943). Gestalt theory. In Ellis D. & Newton N. (Eds.), *The Psychology of Learning and Motivation: Advances in Research and Theory* (Vol. 27, pp. 1-64). Academic Press.
16. Omed Bapir Sabir Sadq (Diana Ridley, 2012). *The Literature Review: A Step by Step* (z lib.org).
https://www.academia.edu/41071108/Diana_Ridley_The_Literature_Review_A_Step_by_Step_by_St_z_lib_org
17. Othman Mohamed. (2001). *Kaedah Penyelidikan dan Statistik (Edisi Kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
18. Oppenheim, A. N. (2000). *Questionnaire design, interviewing, and attitude measurement* (2nd ed.). Continuum.
19. Rana, J., Dilshad, S., & Ahsan, M. A. (2021). Ethical Issues in Research. In A. Farazmand (Ed.), *Global Encyclopedia of Public Administration, Public Policy, and*

Governance (pp. 1- 7).

<https://www.researchgate.net/publication/351341664> **Ethical Issues in Research**

20. Rubin, H. J., & Rubin, I. S. (2012). **Qualitative interviewing: The art of hearing data** (3rd ed.). Sage Publications.
21. Salant, P., & Dillman, D. A. (2019). **How to conduct your own survey**. Wiley.
22. Sarantakos, S. (2013). **Social research** (4th ed.). Palgrave Macmillan.
23. Storksdieck, M. (2001). **Differences in teachers' and students' museum field-trip experiences**. *Visitor Studies Today*, 4.
24. Tourangeau, R., Rips, L. J., & Rasinski, K. A. (2000). **The psychology of survey response**. Cambridge University Press.
25. Tran, L. U. (2006). **Teaching Science in Museums: The Pedagogy and Goals of Museum Educators**. *Science Education*, 90(6), 1005-1021. <https://doi.org/10.1002/sce.20193>
26. Vartiainen, H., & Enkenberg, J. (2013). **Reflections of design-oriented pedagogy for sustainable learning: An international perspective**. *Journal of Teacher Education for Sustainability*, 15(1), 57-72.
27. Vilayanur S. Ramachandran. (1951). **Perceptions as hypotheses: saccades as experiments**. *Vision Research*, 30(10), 1565-1573.

MALAYSIA

KELANTAN

LAMPIRAN

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN

Arahan: Sila tandakan (/) pada setiap soalan demografi responden.

<p>1. Jantina</p> <p>Lelaki <input type="checkbox"/></p> <p>Perempuan <input type="checkbox"/></p>	<p>4. Tahap Pengajian</p> <p>Menengah Rendah <input type="checkbox"/></p> <p>Menengah Atas <input type="checkbox"/></p>
<p>2. Umur</p> <p>13 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>14 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>15 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>16 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>17 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>18 tahun <input type="checkbox"/></p>	<p>5. Jenis Aliran</p> <p>Sains <input type="checkbox"/></p> <p>Sastera <input type="checkbox"/></p> <p>Sains Sosial <input type="checkbox"/></p> <p>Kejuruteraan <input type="checkbox"/></p> <p>Perdagangan <input type="checkbox"/></p> <p>Teknik dan Vokasional <input type="checkbox"/></p> <p>Sila nyatakan: _____</p>
<p>3. Bangsa</p> <p>Melayu <input type="checkbox"/></p> <p>Cina <input type="checkbox"/></p> <p>India <input type="checkbox"/></p> <p>Lain-lain <input type="checkbox"/></p> <p>Sila nyatakan: _____</p>	<p>6. Tempat tinggal</p> <p>Bandar <input type="checkbox"/></p> <p>Luar Bandar <input type="checkbox"/></p>

BAHAGIAN B: MENGUKUR PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KOLEKSI MUZIUM ROYAL SELANGOR

Arahan: Sila tandakan (/) pada setiap soalan di bawah.

(Sila tandakan (/) pada setiap pernyataan berdasarkan skala yang telah disediakan)

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

BIL.	PERKARA/SKALA	1	2	3	4	5
1.	Koleksi- koleksi yang dipamerkan adalah menarik.					
2.	Variasi dan kepelbagaian dalam koleksi yang dipamerkan.					
3.	Penyusunan dan paparan koleksi adalah berkesan.					
4.	Koleksi pada bahagian media interaktif adalah menarik.					
5.	Penyampaian maklumat koleksi adalah jelas dan menarik.					
6.	Koleksi-koleksi yang dipamerkan memberikan pemahaman tentang piuter.					
7.	Koleksi-koleksi yang dipamerkan mencerminkan kepelbagaian aspek konservasi warisan budaya budaya.					
8.	Koleksi-koleksi yang dipamerkan mempengaruhi keinginan dalam bidang konservasi warisan budaya.					
9.	Koleksi-koleksi yang dipamerkan memberikan inspirasi atau rangsangan kreatif.					
10.	Koleksi-koleksi yang menggambarkan perkembangan seni dan kraf tempatan.					

BAHAGIAN C: MENGAJI FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KUNJUNGAN PELAJAR KE MUZIUM ROYAL SELANGOR

(Sila tandakan (/) pada setiap pernyataan berdasarkan skala yang telah disediakan)

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

BIL.	PERKARA/SKALA	1	2	3	4	5
1.	Pameran replika Menara Berkembar Petronas piuter.					
2.	Pameran koleksi piuter bergaya Barat dan rekaan Malaysia.					
3.	Pameran superhero yang diperbuat daripada piuter.					
4.	Pengalaman membuat mangkuk piuter sendiri.					
5.	Pengalaman membuat aksesori piuter sendiri.					
6.	Peluang bergambar selfie di The Hall of Frames.					
7.	Panduan "audio guide" dalam pelbagai bahasa					
8.	Kedai cenderamata yang menawarkan pelbagai barangan pewter untuk dibeli.					
9.	Mesin cetak gambar yang dipersonalisasi.					
10.	Pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium.					

BAHAGIAN D: MENILAI KEPUASAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN DALAM PENGALAMAN MELAWAT MUZIUM ROYAL SELANGOR

(Sila tandakan (/) pada setiap pernyataan berdasarkan skala yang telah disediakan)

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

BIL.	PERKARA/SKALA	1	2	3	4	5
1.	Penyusunan dalam pengaturan acara adalah terbaik.					
2.	Layanan petugas dalam muzium adalah terbaik.					
3.	Waktu layanan antara stesen stesen pameran adalah terbaik.					
4.	Brosur atau panduan yang diberi adalah berguna.					
5.	Segala media interaktif yang digunakan dalam muzium berfungsi dengan baik.					
6.	Bahan pembuatan aksesori dan mangkuk piuter sendiri adalah terbaik.					
7.	Kualiti barangan cenderamata piuter adalah memadai.					
8.	Kebersihan dalam dan di luar muzium adalah terbaik.					
9.	Kemudahan tempat duduk dan rehat yang mencukupi.					
10.	Harga Pastri dan kek yang tersedia di kafe muzium adalah memadai.					

Pengenalan

Selamat sejahtera [nama guru pengiring]. Saya, Agilla Guna, merupakan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan yang sedang menjalankan kajian, ia merupakan bahagian daripada subjek Projek Penyelidikan 1. Kajian ini berfokus pada Perspektif Pelajar Sekolah Menengah terhadap Muzium Royal Selangor.

Objektif temu bual

Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas dari guru pengiring dalam menjawab objektif kajian ini. Saya ingin mengumpulkan perspektif pelajar mengenai kepuasan mereka terhadap perkhidmatan dalam pengalaman melawat Muzium Royal Selangor. Maklumat yang saya peroleh melalui temu bual ini akan membantu dalam menganalisis data dan menyumbangkan pemahaman yang lebih komprehensif dalam kajian ini.

Soalan temu bual berstruktur

1. Adakah para pelajar melawat Muzium Royal Selangor secara sukarela atau sebagai sebahagian daripada program sekolah?
2. Pameran Muzium Royal Selangor yang manakah paling lama dilihat oleh pelajar?
3. Adakah pelajar aktif berinteraksi dengan bahan bacaan di Muzium Royal Selangor?
4. Adakah pelajar aktif menulis maklumat semasa lawatan di Muzium Royal Selangor?
5. Apakah perasaan pelajar tentang cara penyampaian maklumat di Muzium Royal Selangor melalui pameran, panduan audio dan aktiviti lain?
6. Antara dua “hands on” berbeza yang ditawarkan di Muzium Royal Selangor yang manakah menjadi kegemaran pelajar?
7. Adakah pelajar merasakan lawatan mereka ke Muzium Royal Selangor telah meningkatkan pemahaman tentang Konservasi warisan budaya?
8. Apakah penelitian khusus terhadap Konservasi warisan budaya yang terdapat dalam Muzium

Royal Selangor?

9. Bagaimanakah lawatan ke Muzium Royal Selangor akan menjejaskan minat pelajar terhadap

Konservasi warisan budaya?

10. Adakah pelajar memberikan sebarang maklum balas atau komen tentang pengalaman lawatan di Muzium Royal Selangor?

Penutup

Terima kasih atas kerjasama dan penyertaan anda dalam temu bual ini, ia akan memberi sumbangan berharga kepada kajian saya dalam subjek Projek Penyelidikan 1. Terima kasih atas kerjasama anda.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN